

18/01/1998

Mahathir ajak Indonesia guna ringgit, rupiah (HL)

Nazar Abdul in Jakarta

JAKARTA: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengajak Indonesia memikirkan satu mekanisme untuk meningkatkan perdagangan kedua-dua negara tanpa menggunakan dolar Amerika, sebaliknya rupiah dan ringgit.

Perdana Menteri berkata, usaha itu perlu kerana dalam keadaan ekonomi sekarang, kedua-dua negara tidak mempunyai dolar yang mencukupi untuk menjalankan perdagangan import dan eksport masing-masing.

Dalam sidang akhbar selepas mengadakan pertemuan kira-kira satu setengah jam dengan Presiden Suharto di sini semalam, Dr Mahathir berkata, dalam keadaan sekarang negara anggota Asean juga perlu meningkatkan kerjasama dan perdagangan sesama mereka.

"Yang lebih penting, kurangkan penggunaan dolar dalam perdagangan kita. Dalam perdagangan antara kita, lebih baik guna mata wang masing-masing."

"Ini sebenarnya adalah antara beberapa keputusan yang dicapai pada Mesyuarat Ketua Negara Asean yang lalu," katanya.

Mengenai lawatannya ke sini, Dr Mahathir berkata, beliau menemui Suharto untuk menyampaikan keputusan mesyuarat itu serta hasil pertemuan Asean dengan Jepun, China dan Korea Selatan di Kuala Lumpur, baru-baru ini. Suharto tidak menghadiri mesyuarat itu kerana kurang sihat.

Selain itu, katanya, beliau ingin mendengar daripada Suharto mengenai krisis kewangan dan ekonomi yang dihadapi Indonesia.

Suharto turut hadir dalam sidang akhbar itu, tetapi tidak memberikan sebarang kenyataan. Dr Mahathir adalah pemimpin Asean kedua mengunjungi Suharto untuk berbincang mengenai krisis kewangan di rantau ini. Minggu lalu, Suharto dikunjungi Perdana Menteri Singapura Goh Chok Tong.

Dr Mahathir menjelaskan beliau tidak mengemukakan sebarang cadangan untuk menyelamatkan ekonomi Indonesia.

Mengenai kesepakatan Indonesia dan Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF) untuk mengatasi krisis kewangannya, Perdana Menteri berkata, terpulang kepada kebijaksanaan Indonesia untuk menentukannya.

Dalam hal ini, beliau yakin peningkatan kerjasama dan perdagangan negara di rantau ini dapat membantu mengatasi krisis itu.

"Kita percaya jika negara tetangga senang, kita juga akan senang. Kita juga percaya kepada usaha memakmurkan negara tetangga. Jika negara tetangga mempunyai masalah, ia pasti melimpah ke negara kita," kata Dr Mahathir.

Mengenai laporan Malaysia merancang untuk menghantar pulang satu juta pekerja asing termasuk dari Indonesia, Perdana Menteri berkata, itu bukan rancangan sebenarnya.

"Ini adalah sebagai satu amaran bahawa kita tidak mempunyai pekerjaan yang cukup. Beberapa sektor seperti pembinaan tidak lagi memerlukan pekerja tetapi sektor perladangan masih memerlukannya," kata Perdana Menteri.

Menurutnya, tenaga kerja yang tidak diperlukan di satu sektor mungkin boleh digunakan untuk sektor yang memerlukannya.

(END)